

Fomca cadang pelan lima tahun kurangi guna plastik

B-H 22/10/08 MIS 35

KENYATAAN Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA), menunjukkan industri plastik yang membabitkan 1,500 pengilang di seluruh negara menggunakan bahan resin di dalam operasi pengeluarannya. Kini penggunaan resin meningkat kepada 1.9 juta tan daripada 1.85 juta tan pada 2006 dan memberikan penggunaan perkapita sebanyak 75 kilogram.

Penggunaan plastik mewujudkan banyak kontroversi di negara ini, kerana kesan-nya kepada kesihatan dan alam sekitar. Tambahan pula, ia hanya satu perkembangan baru di negara ini selepas penemuan petroleum.

Bahan berasaskan kertas, kaca dan logam untuk sekian lama kita gunakan sehingga dominasi plastik berlaku. Pada masa sama, kita kini dihantui dengan masalah pengurangan simpanan petroleum negara dan juga impak alam sekitar daripada polimer plastik sendiri.

Kerajaan patut mengambil langkah bijak dan teguh untuk menstruktur semula industri ini supaya lebih mantap. Akta baru, iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah memadai sebagai instrumen untuk mengeluarkan elemen ini daripada rantai penggunaan plastik di negara ini.

Kebanyakan pengusaha mendakwa bahawa plastik adalah mudah untuk dikitar semula. Kadar kitar semula masih rendah dan kebanyakan plastik akhirnya sampai ke tapak pelupusan sampah dan juga air minuman kita.

Kita sebenarnya membeli sampah apabila membeli-be-

lah. Hanya sekelompok kecil pengusaha mempraktikkan polisi pengambilan semula. Mereka menuding jari kepada pengguna, tetapi tiada penyelesaian.

Kesan kesihatan daripada bahan plastik masih wujud. Impak pemanasan, bahan kimia masih boleh dibebaskan kepada medium seperti makanan dan minuman. Pencemaran asas berlaku apabila plastik dibuang ke sungai dan juga di tapak pelupusan sampah. Plastik tidak boleh terbiodegrasi, tetapi membebaskan sesetengah bahan kimia memasuki air bawah tanah dan air sungai.

Sejumlah 95 peratus punca air mentah untuk minum datangnya dari sungai dan bahan kimia ini tidak tersenarai dalam standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk kualiti air minuman. Ada bahan kimia daripada plastik yang memberi kesan kepada kesihatan apabila bahan ini terkumpul di dalam badan.

Hal ini juga dibincangkan dalam Bengkel Kebangsaan Memperbaiki Kualiti Air Minuman anjuran Kementerian Kesihatan pada Jun 2008. Kita juga tidak boleh mengharapkan loji perawatan air untuk memeriksa semua. Masalah perlu diselesaikan daripada peringkat akar umbi.

Fomca mencadangkan pelan lima tahun untuk mengurangkan penggunaan plastik sebanyak separuh dan memperkenalkan industri kitar semula plastik yang efektif. Berikut adalah beberapa cadangan:

● Mengharamkan penggunaan beg plastik: Beg plastik diganti dengan beg kain kapas atau beg yang

berasaskan kertas.

● Bekas dan pembungkusan berasaskan plastik boleh digantikan dengan bahan berasaskan kertas, kaca dan logam. Bahan ini tahan lama dan boleh digunakan semula dan ada juga bahan berasaskan serat kelapa sawit untuk pembungkusan.

● Pengenaln polisi pengambilan semula, efektif untuk produk berasaskan plastik. Barang elektronik mempunyai rangka plastik. Bahan ini tidak sepatutnya dilupuskan, tetapi dikitar semula dengan efektif untuk memenuhi permintaan pasaran.

● Industri plastik patut menyahut cabaran untuk menghasilkan kitar hayat lebih baik untuk produk yang dihasilkan. Ia khas untuk industri barang elektrik dan elektronik. Perubahan sebegini dapat dibantu oleh Sirim dalam pelabelan eko dan diberikan status perintis.

DATUK MARIMUTHU NADASON,

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca).